



KERATAN AKHBAR

KHBAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	5/1/2017
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN



Hamzah (tengah) menunjukkan gading gajah yang dirampas di KLIA, semalam.

Gading RM7.2j diisytihar kayu dirampas

➔ 254 gading gajah seberat 846.2kg dari Congo dirampas di KLIA

Oleh **Noor Atiqah Sulaiman**
bhnews@bharian.com.my

➔ **Sepang**

Sebanyak 254 gading gajah dari Congo yang bernilai RM7.2 juta yang cuba diseludup masuk ke negara ini, dirampas oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Ahad (KLIA) di sini, lalu.

Gading seberat 846.2 kilogram

itu dirampas ketika pemeriksaan di Gudang Kargo Udara di Zon Perdagangan Bebas KLIA.

Gading dalam 17 kotak

Pengarah Kastam KLIA, Datuk Hamzah Sundang, berkata siasatan mendapati gading gajah itu yang dimasukkan ke dalam 17 kotak, diterbitkan menggunakan penerbitan Turkish Airways dari Kinshasa, Congo.

Katanya, siasatan awal menunjukkan gading gajah itu diisytihar-

kan sebagai sampel kayu berdasarkan kepada label yang tertera, manakala alamat dan pengenalan diri yang terkandung dalam dokumen adalah palsu.

“Siasatan sedang dijalankan dan belum ada tangkapan dilakukan,” katanya pada sidang media di Kompleks Kastam KLIA, di sini semalam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1967 kerana mengimport barangan larangan tanpa permit.

**Fakta
nombor**

9 KES

penyeludupan gading gajah pada 2016

RM10.9 JUTA

nilai rampasan gading gajah pada 2016

Jika bersabit kesalahan, suspek boleh didenda minimum 10 kali nilai barangan atau maksimum 20 kali ganda nilai barangan atau hukuman penjara sehingga tiga tahun.

Gading gajah adalah barang yang dilarang pengimportannya di bawah Jadual Ketiga Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 (Akta 686), kecuali dengan permit yang dikeluarkan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

